

B B200 DEB  
MAHATHIR - UMNO RRR RRR

KUALA.KUBU BAHARU, 14 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KEDUDUKAN ORANG MELAYU MASIH LEMAH DAN UNTUK MENGEKALKAN KUASA POLITIK MEREKA, UMNO TIDAK BOLEH BERPECAH BELAH AKIBAT KEMPEN TIDAK SIHAT DALAM PERTANDINGAN MEREbut JAWATAN.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA SETIAP ANGGOTA UMNO BOLEH BERTANDING APA JUA JAWATAN TETAPI BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MEREKA YANG BERTANDING HENDAKLAH BERBUAT DEMIKIAN KERANA RASA TANGGUNGJAWAB KEPADA BANGSA SERTA AGAMA DAN BUKANNYA KERANA CITA-CITA PERIBADI.

BELIAU KHUATIR JIKA MEREKA YANG BERTANDING SEMATA-MATA UNTUK MENCAIPAI CITA-CITA PERIBADI DAN MENGENEPIKAN RASA TANGGUNGJAWAB KEPADA CITA-CITA PARTI, MAKA KEMPEN YANG TIDAK SIHAT SEPERTI MENFITNAH AKAN MENGAKIBATKAN PERPECAHAN DALAM PARTI.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT UMNO BAHAGIAN ULU SELANGOR DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA DI SINI PETANG INI, BELIAU BERKATA JIKA UMNO BERPECAH ORANG MELAYULAH YANG AKAN MENANGGUNG KERUGIAN DAN CALON YANG MENANG MEWARISI UMNO YANG SUDAH LEMAH AKIBAT PERPECAHAN YANG BERLAKU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENINGGATKAN BAHAWA PERTANDINGAN MEREbut JAWATAN PRESIDEN PARTI DIBENARKAN OLEH PERLEMBAGAAN UMNO TETAPI JIKA CALON YANG MENANG TIDAK MENDAPAT MAJORITI YANG MEYAKINKAN, PUCUK PIMPINAN PARTI ITU TIDAK DIHORMATI OLEH PIHAK-PIHAK LAIN. -- LAGI.

1859MST 14 03 87

D283

B B201 DEB  
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA KUBU BAHARU RRR RRR

TURUT HADIR DI PERASMIAN MESYUARAT UMNO BAHAGIAN ITU, YANG MERUPAKAN YANG PERTAMA DIRASMIKAN OLEH PERDANA MENTERI, IALAH MENTERI BESAR DATUK MUHAMAD BIN MUHAMAD TAIB SELAKU KETUA BAHAGIAN ITU SERTA Pengerusi UMNO PERHUBUNGAN NEGERI SELANGOR DATUK AHMAD RAZALI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBENARNYA PADA TAHUN INI BELIAU BERHAJAT TIDAK MAHU MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM MERASMIKAN BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO KERANA KHUATIR UCAPANNYA DISALAH ANGGAP OLEH ORANG SEBAGAI UNTUK BERKEMPEN BAGI DIRINYA SENDIRI.

KATANYA, BAGAIMANAPUN KERANA RAMAI ORANG MEMINTA BELIAU BERBUAT DEMIKIAN BELIAU MENGAMBIL BAHAGIAN TETAPI MENAMBAH BAHAWA BELIAU MAHU BERKEMPEN UNTUK UMNO, ORANG MELAYU, ISLAM DAN KESELURUHAN RAKYAT.

+INI KERANA TIDAK ADA GUNANYA SESEORANG ITU MENCAIPAI CITA-CITA POLITIKNYA TETAPI KEDUDUKAN UMNO TERJEJAS KERANA YANG PENTINNYA IALAH KEJAYAAN UMNO UNTUK KEPENTINGAN ORANG MELAYU DAN ISLAM,+ TAMBAHNYA.

KATANYA PARTI ITU BUKAN DITUBUHKAN UNTUK KEPENTINGAN SESEORANG PEMIMPIN TETAPI UNTUK MENYATUPADUKAN TENAGA ORANG MELAYU YANG MASIH LEMAH DAN MEMPERTAHANKAN KEPENTINGAN MEREKA. -- LAGI.

1901MST 14 03 87

B B210 DEB  
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA KUBU BAHARU (ULANGAN) RRR RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SETIAP ANGGOTA UMNO MERUPAKAN KEKUATAN KEPADA PARTI DAN SEBAB ITU MEREKA MESTI TERUS BERJUANG MENGUKUHKAN PERPADUAN ORANG MELAYU.

+ORANG MELAYU MASIH LEMAH. JANGAN KITA SANGKA ORANG MELAYU TIDAK LAGI MEMERLUKAN PERPADUAN KERANA SUDAH TERDAPAT BEBERAPA ORANG JUTAWAN DAN PROFESIONAL MELAYU,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA WALAUPUN PERLEMBAGAAN PARTI MEMBENARKAN SIAPA SAHAJA BERTANDING APA JUA JAWATAN, KEBEBASAN DEMOKRASI TANPA RASA TANGGUNGJAWAB AKAN MEMBAWA AKIBAT BURUK KEPADA PARTI.

+SAYA TIDAK BERKATA BAHAWA JAWATAN PRESIDEN TIDAK BOLEH DITANDINGI KERANA SIAPA YANG MENJADI PRESIDEN TIDAK PENTING, TETAPI YANG PENTING TINDAKAN ITU BOLEH MENJEJASKAN PERPADUAN PARTI,+ TAMBAHNYA.

BELIAU MENYATAKAN RASA DUKACITA KERANA ADANYA TUDUHAN DIBUAT SEMASA BERKEMPEN KONONNYA PERDANA MENTERI NEGARA INI MERUPAKAN PERDANA MENTERI YANG TERKAYA DI DUNIA. -- LAGI.

1929MST 14 03 87

B PBBX 14-03 00196 DEB  
MAHATHIR - UMNO 4 KUALA KUBU BAHARU RRR RRR

+RUMAH SAYA, KERETA SAYA ADALAH KEPUNYAAN KERAJAAN. SAYA CUMA ADA SEBUAH RUMAH DI ALOR SETAR DAN JIKA TUAN-TUAN TIDAK PERCAYA BOLEH PERIKSA. RUMAH DI GENTING HIGHLANDS YANG DIKATAKAN SAYA PUNYA IALAH RUMAH ENCIK DAIM (MENTERI KEWANGAN),+ KATANYA.

BELIAU MENASIHATKAN MEREKA YANG MENYEBARKAN FITNAH SEPERTI ITU SUPAYA JANGAN BERBUAT DEMIKIAN SESAMA ISLAM. PERBUATAN ITU BOLEH MENIMBULKAN RASA BENCI TERHADAP ORANG YANG DIFITNAH SEHINGGA ORANG RAMAI TIDAK LAGI DAPAT MEMBEZAKAN KEBENARAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENASIHATKAN MEREKA YANG INGIN BERTANDING JAWATAN-JAWATAN TERTINGGI PARTI SUPAYA TIDAK +BERHEMPAS PULAS+ KERANA IA PASTI MEMBAWA PERPECAHAN KEPADA PARTI.

KATANYA SEJAK NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, EMPAT ORANG MENJADI PRESIDEN UMNO DAN PERDANA MENTERI BUKAN MELALUI RANCANGAN MEREKA TETAPI SECARA KEBETULAN DENGAN KEHENDAK TUHAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENIMBULKAN INI BUKAN UNTUK BERKEMPEN TETAPI KERANA HENDAK MENJAGA PERPADUAN PARTI.

+SAYA AKAN TERUS BERKHIDMAT KEPADA PARTI SELAGI ORANG MAHU SAYA BERKHIDMAT. KALAU TIDAK MAHU, KATAKAN SAJA DAN TIDAK PAYAHLAH MENOLAK SAYA SAMPAI JATUH,+ KATA BELIAU. -- BERNAMA.

1933MST 14 03 87